

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR : KOSMO  
TAJUK BERITA : 200 PESERTA HADIRI SEMINAR TEKNOLOGI HIJAU  
TARIKH : 27 JUN 2011 (ISNIN)

# 200 peserta hadir seminar Teknologi Hijau

**ALAM SEKITAR.** Kira-kira 200 peserta dari Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghadiri seminar bertajuk Etika Kehidupan Dalam Teknologi Hijau yang diadakan di Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seminar selama dua hari itu mengupas mengenai pendekatan teknologi hijau, cabarannya dan pengenalan terhadap teknologi berkenaan.

Seminar yang turut disokong oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air itu telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Teknologi Hijau dan Air Kementerian itu, Nor Aini Abdul Wahab.



**SEBAHAGIAN** daripada peserta yang menghadiri seminar Teknologi Hijau di Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur baru-baru ini.